

**Waktu-waktu Lawatan Muzium**  
10 pagi hingga 7 malam (setiap hari)

**Kemasukan Terakhir**  
6.15 petang (Rotunda Kaca)  
6.30 petang (Galeri-galeri lain)

**Hubungi**  
nhb\_nm\_corpcomms@nhb.gov.sg

**Kami Juga Dalam Talian!**

 [nationalmuseum.sg](http://nationalmuseum.sg)  
 [national.museum.of.singapore](http://national.museum.of.singapore)  
  [natmuseum\\_sg](http://natmuseum_sg)

Sebuah institusi

Disokong oleh



N  
S  
M  
**National Museum  
of Singapore**

**Peta &  
Panduan**



#### Maklumat Am

Kesejahteraan para pengunjung dan kakitangan kami adalah keutamaan kami. Untuk keselamatan anda, sila daftar masuk dan keluar SafeEntry, pastikan anda telah melalui pemeriksaan suhu badan, gunakan pelitup pada setiap masa dan sentiasa pastikan jarak selamat sekurangnya satu meter. Bantulah kami untuk mematuhi perkara-perkara berikut untuk pengalaman kunjungan yang nyaman dan untuk melindungi koleksi kebangsaan kami:



Makanan dan minuman tidak dibenarkan



Fotografi lampu denyar tidak dibenarkan



Videografi tidak dibenarkan



Jangan menyentuh artefak-artefak



Barang-barang besar tidak dibenarkan masuk



Sila bercakap dengan perlahan



Sila awasi kanak-kanak

Semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah tepat pada masa percetakan. Hak cipta terpelihara. Penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa keizinan bertulis daripada Muzium Negara Singapura, penerbit panduan ini. Hak cipta©2021.

National Museum of Singapore



Get Started

#### Temui Dome Bot untuk pengalaman kunjungan yang lebih menyeluruh!

Dapatkan kapsyen artefak dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Melayu dan Tamil, rakaman klip audio, video, interaktif lain dan banyak lagi di hujung jari anda. Imbas kod QR di bawah untuk memulakan perbualan anda!



#### Menyumbang Dengan Mudah

Sumbangan anda dapat membantu muzium ini untukterus memberi inspirasi melalui kisah-kisah Singapuran dan dunia dan juga menyediakan ruang yang menarik dan mudah dikunjungi bagi semua. Anda boleh menyumbang melalui giving.sg dengan mengimbas kod QR di atasatau menyumbang melalui aplikasi mudah alih bank adangadan mengimbas kod QR di bawah.

- 1 Log masuk ke aplikasi mudah alih bank anda.
- 2 Imbas kod QR PayNow menggunakan aplikasi bank anda atau taipkan nombor UEN: T08GB0036BNHF
- 3 Masukkan jumlah sumbangan dan taipkan "NMS" di ruang Nombor Rujukan. Sahkan pemindahan sumbangan.

Aras Satu

#### Galeri Sejarah Singapura

Kisah-kisah Galeri Sejarah Singapura yang dikemaskini mencartakan perkembangan pulau yang dikenali sejak bertahun-tahun lamanya sebagai Singapura, Tanah Jajahan (Mahkota Inggeris), Syonan-To dan akhirnya, Singapore. Galeri ini merakamkan perjalanan Singapura dari permulaan awal kami 700 tahun yang lalu ke zaman kolonial, Penjajahan Jepun dan perjuangan pascaperang, sehingga ke bandar global yang kami nikmati hari ini.


Aras Satu, Rotunda Kaca

#### Singapore, Very Old Tree

Artis Singapura Robert Zhao meneroka hubungan-hubungan peribadi antara warga Singapura dengan pokok tempatan melalui pemasangan 17 gambar-gambar pokok-pokok di Singapura.



Lungsuri [nationalmuseum.sg](http://nationalmuseum.sg) untuk lebih banyak pameran dan acara-acara khas yang dikendalikan oleh kami.



Story of the Forest oleh teamLab

Aras Dua, Rotunda Kaca

#### Story of the Forest

Pemasangan seni interaktif digital yang gah ini diilhamkan oleh Koleksi Lukisan Sejarah Alam Semulajadi William Farquhar dan telah diimaginaskan oleh kolektif seni berbilang media, teamLab. Ia menggunakan teknologi canggih untuk mengubah 69 lukisan dari koleksi itu sebagai ilustrasi animasi, yang hidup dan berinteraksi dengan para pengunjung ketika mereka mengunjungi Rotunda Kaca.

Aras Dua

#### Kehidupan Di Singapura: 100 Tahun Lalu

Merangkumi 100 tahun yang lalu, empat galeri-galeri ini – Modern Colony (Koloni Moden), Surviving Syonan (Kehidupan di Masa Syonan), Growing Up (Dari Kecil Sehingga Dewasa) and Voices of Singapore (Suara Warga Singapura) – memberikan gambaran-gambaran kehidupan sejarah melalui era-era yang berbeza dalam sejarah Singapura.



Aras Dua

#### Galeri Goh Seng Choo: Pelayaran Rindu Dendam

Belayar sekitar Nusantara pada abad kesembilan belas dengan ditemani pilihan-pilihan baharu daripada Koleksi Lukisan Alam Semula Jadi William Farquhar. Jejak semula emosi yang dialami tatkala belayar, dan kenali flora dan fauna tempatan yang terpapar dalam kisah-kisah rindu dendam dari dunia Melayu. Anda juga boleh mengirim poskad digital dari laut kepada orang-orang tercinta, dan ikut serta dalam sebuah permainan interaktif dalam talian untuk melakar pelayaran anda sendiri!



Wings of a Rich Manoeuvre oleh Suzann Victor

Aras Dua, Atrium Kaca

#### Wings of a Rich Manoeuvre


Tonton gerak rentak lapan candelier kinetik yang seakan "menyanyi" dengan pergerakan ketika mereka berhayun dalam koreografi cahaya yang dramatik!

Muzium Negara Singapura telah bertapak sejak tahun 1887, dan merupakan muzium tertua negara yang berpandangan progresif. Galeri-galerinya memaparkan sejarah dan budaya menerusi cara-cara terkedepan yang berbilang perspektif yang memberikan pengertian baharu terhadap pengalaman mengunjungi muzium. Sebagai mercu tanda budaya dan seni bina Singapura, muzium ini juga menganjurkan pelbagai perayaan dan acara inovatif sepanjang tahun, termasuk Pesta Malam Singapura, di samping mengetengahkan pameran-pameran mencetus pemikiran yang melibatkan koleksi penting artefak-artefak negara.


Muzium Negara Singapura dibuka semula pada bulan Disember tahun 2006 selepas menjalani pembangunan semula selama tiga tahun. Galeri-galeri tetapnya telah diperbaharui dan dibuka semula pada bulan September 2015 sempena perayaan Jubli Emas Singapura. Ia meraikan ulang tahunnya yang ke-130 pada tahun 2017.

Kunjungilah Muzium Negara dan terokai semula sejarah Singapura!


## Aras 3



## Aras 2



## Aras 1



## Aras Bawah



Ruang Kanyon  
Berkhidmat ke aras bawah hingga aras 2



Muzium Negara Singapura komited untuk memastikan pengalaman muzium mudah diakses dan menyeronokkan untuk semua. Imbas kod QR atau bertanya pada pegawai perkhidmatan pelawat kami untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kami\*!

\*Anda boleh merujuk kepada peta yang tertera di atas untuk merancang lawatan anda bersama yang tersayang. Semua galeri-galeri dan kemudahan-kemudahan boleh diakses oleh kerusi roda dan kereta sorong bayi. Perkhidmatan-perkhidmatan lain termasuk kerusi roda, beg sensori dan peta sensori cetakan besar tersedia untuk pinjaman di kaunter Perkhidmatan Pelawat kami. Kapsyen pameran dalam cetakan besar dalam bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, dan Tamil juga boleh didapati di kesemua galeri.

## Runcit dan F&B



### Flutes

Selasa – Jumaat: 11.30 pagi – 2 petang (Pesanan terakhir),

6 petang – 10.30 malam

Sabtu: 11 pagi – 2.30 petang (Pesanan terakhir),

6 petang – 10.30 malam

Ahad: 10.30 pagi – 4 petang (Pesanan terakhir)

Tel (65) 6338 8770

[flutes@flutes.com.sg](mailto:flutes@flutes.com.sg)

Bertempat di bahagian tertua muzium yang pada mulanya dibuka

untuk memperingati Jubli Emas Permaisuri Victoria pada tahun

1887, Flutes menyediakan rasa baru yang segar dan menarik dalam

menu berinspirasi cita rasa Eropah mereka, berlapiskan sentuhan

moden dan dipadankan dengan seleksi pilihan minuman yang telah

memenangi anugerah.

### MUSEUM LABEL

Isnin – Ahad: 10 pagi – 7 malam

[NHB\\_museumlabel@nhb.gov.sg](mailto:NHB_museumlabel@nhb.gov.sg)

Kunjungi kedai MUSEUM LABEL untuk membawa pulang produk-produk dan penerbitan-penerbitan pilihan yang terilham dari koleksi artefak serta pameran muzium. Produk-produk dan kraftangan-kraftangan yang menarik dari para pereka dan pengeluar tempatan yang disokong oleh MUSEUM LABEL juga dipamerkan.

### Food For Thought

Isnin – Ahad: 11 pagi – 6 malam (Pesanan terakhir 5.30pm)

Tel: (65) 6338 9887

[nms@foodforthought.com.sg](mailto:nms@foodforthought.com.sg)

Sebagai sebuah kafe muzium yang penuh dengan kisah-kisah untuk pelbagai lapisan umur, Food for Thought mengimbangkan nostalgia dengan inovasi dalam reka bentuk restoran dan persempahan makanan mereka.

Lokasi-lokasi Yang Mudah Diakses

Jejak Sejarah Muzium Negara

Ketahui bagaimana bangunan muzium telah berubah sepanjang zaman sambil menghargai ciri-ciri seni bina yang utama.

Papan Penanda Jejak Sejarah Muzium Negara disokong oleh



Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kami\*

Perkhidmatan Pelawat

Kedai Cenderamata Muzium / MUSEUM LABEL

Restoran

Kafe

Lif

Tandas

Bilik Penjagaan Bayi

Tempat Menyimpan Barang

AED

Kawasan-kawasan Bersensori Tinggi

Kawasan-kawasan dengan lebih banyak orang, multimedia, bunyi-bunyi kuat dan/ atau pencahayaan yang redup.

Ruang-ruang Pameran Sementara

Kawasan-kawasan ini adalah ruang-ruang pameran galeri sementara.

Sila bertanya pada kakitangan di kaunter Perkhidmatan Pelawat di Aras 1 untuk mendapatkan maklumat yang terkini.

Bilik Sepi

Sila bertanya kepada pegawai perkhidmatan pelawat kami jika anda atau anak anda mempunyai keperluan khas.

Ruang Rehat / Ruang Sepi

Lokasi-lokasi Yang Mudah Diakses

Jejak Sejarah Muzium Negara

Ketahui bagaimana bangunan muzium telah berubah sepanjang zaman sambil menghargai ciri-ciri seni bina yang utama.

Papan Penanda Jejak Sejarah Muzium Negara disokong oleh

IGT Private Banking